

PM yakin Melayu mampu capai kejayaan tak pernah dimimpi

UM 31 OCT 1990

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin orang Melayu zaman selarang yang sudah jauh berubah dari orang Melayu zaman dahulu mampu mencapai kejayaan yang tidak pernah diimpikan sebelum ini.

Tegas Perdana Menteri, orang Melayu masa kini semakin berjaya menyesuaikan diri dengan dunia moden dan ini disebabkan peningkatan pengetahuan melalui pendidikan.

"Sebenarnya orang Melayu zaman ini mempunyai budaya yang telah mengalami pertukaran berbanding dengan budaya Melayu semasa kita mencapai kemerdekaan," katanya semasa berucap di majlis makan malam sempena ulangtahun ke-15 Sapura Holdings Sdn. Bhd. di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa kejayaan sesuatu kaum tidak bergantung kepada warna kulit, keturunan, agama dan iklim, sebaliknya ia bergantung kepada kebudayaan dan nilai hidup.

"Jika sistem nilai yang diadunkan oleh sesuatu bangsa itu tidak sesuai dengan kejayaan, maka tidak mungkin bangsa itu berjaya," katanya.

Menurut beliau, kebudayaan sesuatu bangsa tidak sama sepanjang masa dan ia berubah dengan sendirinya dan juga boleh diubah dengan sengaja.

Perdana Menteri menarik perhatian, orang Melayu tidak akan erjaya selagi mereka tidak mengenali kelemahan dan tidak tahu memperbaikinya.

"Bahkan kebanyakan bumiputera amnya enggan memikirkan bahawa ada kelemahan - kelemahan pada diri mereka yang menyebabkan mereka gagal dalam bidang perniagaan dan perusahaan," jelasnya.

Sehubungan dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menyelar sikap segelintir orang Melayu yang menyalahkan dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) atas kegagalan mereka dalam perniagaan.

"Malah ramai juga yang membuat keputusan untuk menukar kepimpinan kerajaan dengan orang - orang yang berjanji akan menghapuskan hutang mereka dan memberi projek untuk mereka menjadi kaya," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sebab utama mengapa ramai perniaga bumiputera gagal dalam perniagaan mereka khususnya semasa kemelesetan ekonomi ialah kerana mereka tidak memberi perhatian kepada etika perniagaan dan pengetahuan pengurusan khususnya pengurusan kewangan.

"Sebab itu ramai yang dahulu tidak menanggung sebarang hutang telah berhutang banyak sehingga tidak berupaya membayar balik.

"Mereka ini menuntut supaya diberi projek tambahan untuk membayar hutang tetapi pendekatan ini kerap kali hanya meningkatkan tanggungan hutang mereka," ujarnya.

Di majlis tersebut, beliau memuji Sapura yang bukan sahaja

dapat mencipta dan membuat alat - alat telekomunikasi yang moden tetapi juga berjaya meraih keuntungan darinya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerjasama Sapura dengan agensi penyelidikan kerajaan seperti MIMOS menolong bukan sahaja Sapura tetapi juga bidang penyelidikan keseluruhannya.

Katanya, kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang untuk usaha - usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), walaupun sesuatu barang yang dihasilkan itu tidak perlu buatan asli.

"Sebenarnya, meniru teknologi orang lain adalah amalan biasa yang dibuat oleh semua negara industri moden," katanya.